



**NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA
IKMa/ZONTIMUR/BIL.03/2026**

(1)

**PERKHIDMATAN SEBAGAI PANEL MEMBEKALKAN
MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK (ISLAM) BAGI
PESERTA KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
(IKMa) ZON TIMUR UNTUK TAHUN 2027
BAGI TEMPOH 2 TAHUN**

NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA : IKMa/ZONTIMUR/BIL.03/2026



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
AGENS DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP)**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

NOMBOR SEBUTHARGA	:	IKMa/ZONTIMUR/BIL.03/2026									
BUTIRAN-BUTIRAN SEBUTHARGA	:	PERKHIDMATAN SEBAGAI PANEL MEMBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK (ISLAM) BAGI PESERTA KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON TIMUR UNTUK TAHUN 2027 BAGI TEMPOH 2 TAHUN									
KELAYAKAN PENYEBUTHARGA	:	BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) YANG MASIH SAH LAKU DI BAWAH KOD BIDANG: ✓ 040103 – Makanan,Minuman Dan Bahan Mentah (Makanan Bermasak (Islam)) KONTRAKTOR BUMIPUTERA									
TARIKH IKLAN DAN WAKTU DOKUMEN DIEDAR	:	13 OGOS 2026 (KHAMIS)									
BUTIR-BUTIR TAKLIMAT SEBUTHARGA DAN LAWATAN TAPAK	:	<table border="1"> <tr> <td>TARIKH</td><td>:</td><td>21 OGOS 2026 (JUMAAT)</td></tr> <tr> <td>MASA</td><td>:</td><td>10.30 PAGI</td></tr> <tr> <td>BERTEMPAT</td><td>:</td><td>IKMa ZON TIMUR,KUANTAN PAHANG</td></tr> </table> *KEHADIRAN LAWATAN SESI TAKLIMAT ADALAH <i>WAJIB</i> JIKA MENYERTAI TAWARAN SEBUTHARGA	TARIKH	:	21 OGOS 2026 (JUMAAT)	MASA	:	10.30 PAGI	BERTEMPAT	:	IKMa ZON TIMUR,KUANTAN PAHANG
TARIKH	:	21 OGOS 2026 (JUMAAT)									
MASA	:	10.30 PAGI									
BERTEMPAT	:	IKMa ZON TIMUR,KUANTAN PAHANG									
TARIKH DAN WAKTU TAWARAN SEBUTHARGA DITUTUP	:	3 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS) WAKTU JAM 12.00 TENGAH HARI									

NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA : IKMa/ZONTIMUR/BIL.03/2026

Nota:

1. Dokumen Sebutharga berkaitan boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) www.ikma.edu.my mulai 13 Ogos 2026 (Khamis).
2. Setiap dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat saiz A3 atau A4 dan **wajib** menulis di sudut atas kiri muka hadapan sampul surat tersebut dengan nombor sebutharga.
3. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di:-

Peti Sebutharga
Institut Koperasi Malaysia,
Kompleks Inkubator,
Indera Mahkota 14,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

4. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dan tidak lengkap **tidak akan dipertimbangkan.**
5. IKMa tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga tanpa perlu memberi sebab penolakan. **Keputusan IKMa adalah Muktamad.**
6. Sebarang pertanyaan berkaitan perolehan ini sila hubungi:

Nama Pegawai	Unit/Sektor/Zon/Cawangan	No Telefon
CIK NURUL ASYIKIN BINTI AZMAN	IKMa ZON TIMUR	03-5732449

(2)

LAMPIRAN Q

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

No. Sebutharga **IKMa/ZONTIMUR/BIL.03/2026**

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

Kepada (Nama Syarikat):

.....
.....

No. Telefon:
No. Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia :

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini: **BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) YANG MASIH SAH LAKU KOD BIDANG : 040103**

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan :
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
ZON TIMUR KOMPLEKS
INKUBATOR, INDERA MAHKOTA
14, BANDAR INDERA MAHKOTA, 25200
KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR

No. telefon: **03-5732449**
Tarikh: **13 OGOS 2026 (KHAMIS)**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan spesifikasi sebutharga.
 - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki
 - 1.3 Arahan pengiriman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN SAHAJA**
 - 1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/ZONTIMUR/BIL.03/2026**
 - 1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 TENGAH HARI PADA 3 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS)**
 - 1.6 Tempoh sah laku sebutharga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: **13 OGOS 2026 (KHAMIS)**

Tandatangan:  **SHAMSURI BIN SALLEH**
Pegawai Kewangan dan Pembangunan
Nama Pegawai: **INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**
103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7964 9176 Fax: 03-7964 9144
Jawatan:

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
IKMa/ ZONTIMUR BIL.03 /2026	PERKHIDMATAN SEBAGAI PANEL MEMBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK (ISLAM) BAGI PESERTA KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON TIMUR UNTUK TAHUN 2027 BAGI TEMPOH 2 TAHUN			HARGA BERSIH TERMASUK CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST)	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah **harga bersih termasuk cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST)** ; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah.....

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan:

Penyebut Harga:

Tarikh:.....

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

Muka Surat 2/5

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut normal perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

(3)

**SURAT AKUAN PEMBIDA
-LAMPIRAN F-**

SURAT AKUAN PEMBIDA

**PERKHIDMATAN SEBAGAI PANEL MEMBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN
BERMASAK (ISLAM) BAGI PESERTA KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
(IKMa) ZON TIMUR UNTUK TAHUN 2027 BAGI TEMPOH 2 TAHUN**

NOMBOR SEBUTHARGA: IKMa/ZONTIMUR/BIL.03/2026

1. Saya.....(Nama Wakil Syarikat), No.Kad Pengenalan.....mewakili..... (NamaSyarikat) nombor pendaftaran.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini;atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya falam bahawa syarikat melakukann kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat**memberikan,menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	
Nama	:	
No.KP	:	
Tarikh	:	
Cap Syarikat	:	

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

(4)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN
SEBUT HARGA**

(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)



**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

SILA TANDAKAN BAGI / DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia (masih tempoh sah laku) (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (masih tempoh sah laku) (Bekalan /Perkhidmatan)		
3.	Salinan Kod Bidang Seperti di bawah (masih tempoh sah laku)		
	Kontraktor Bumiputera		
	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) ✓ 040103 – Makanan,Minuman Dan Bahan Mentah (Makanan Bermasak (Islam)		
4.	Salinan No.Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang Sah Dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) (jika berkaitan)		
5.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
6.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
7.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
9.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (masih tempoh sah laku)		

10.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
11.	Salinan Profail Syarikat		
12.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada) Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :

(5)

**DOKUMEN SEBUTHARGA
SYARAT-SYARAT DAN JADUAL
TAWARAN HARGA**

PERKHIDMATAN SEBAGAI PANEL MEMBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK (ISLAM) BAGI PESERTA KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON TIMUR UNTUK TAHUN 2027 BAGI TEMPOH 2 TAHUN

1. SYARAT – SYARAT AM KONTRAK

- 1.1. Pembekal yang berjaya (jika ada) akan dimaklumkan melalui surat (disebut “Surat Setuju Terima Sebut Harga”).
- 1.2. Semua butir di dalam lampiran bersama borang sebut harga hendaklah diisi dan diserahkan bersama borang sebut harga.
- 1.3. IKMa Zon Timur berhak menamatkan kontrak sekiranya pihak pembekal tidak mengikuti syarat-syarat perjanjian.
- 1.4. **Jika di dapati pembekal menggunakan pekerja bukan warganegara yang tidak mempunyai permit kerja yang sah, maka kontrak ini boleh di tamatkan serta merta.**
- 1.5. Pembekal yang gagal menyediakan dan membekal makanan berkualiti seperti yang ditetapkan atau hasil kerja yang tidak memuaskan seperti yang telah ditetapkan dalam spesifikasi boleh menyebabkan kontrak ditamatkan. **Hasil kerja yang tidak memuaskan bermaksud seperti berikut:**
 - i) Tidak menyediakan sajian secukupnya mengikut bilangan yang telah ditempah.
 - ii) Membekal makanan yang tidak berkualiti (buah-buahan yang kecil atau kecut, nasi dan lauk terlalu masin,mentah,basi atau sebagainya)
 - iii) Hasil kerja lain yang tidak memuaskan.
- 1.6 Semua tenaga pekerja yang menguruskan kerja-kerja kontrak ini hendaklah terdiri daripada **Warganegara Malaysia dan beragama Islam.**
- 1.7 Pihak pembekal dikehendaki:
 - i) Penyediaan peramusaji.
 - ii) Memastikan peramusaji sentiasa memakai pakaian seragam yang bersih dan kemas.
 - iii) Pakaian yang menjolok mata adalah dilarang sama sekali. Semua pekerja diwajibkan memakai kasut semasa bertugas.
- 1.8 Pihak pembekal bertanggungjawab menjaga kebersihan makanan, peralatan, ruang dalam premis dan sekelilingnya dengan mematuhi garis panduan yang berkaitan. Pihak pembekal bertanggungjawab:
 - i) Memastikan peramusaji mengamalkan kebersihan diri.
 - ii) Menjaga kebersihan ruang bangunan yang digunakan iaitu termasuk bilik stor, bilik pejabat, tempat-tempat pekerja dan dewan makan, tempat pembuangan sampah dan keadaan disekelilingnya dan juga kebersihan alat kelengkapan dan bahan-bahan makanan yang digunakan.

PERKHIDMATAN SEBAGAI PANEL MEMBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK (ISLAM) BAGI PESERTA KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON TIMUR UNTUK TAHUN 2027 BAGI TEMPOH 2 TAHUN

- iii) Pembekal hendaklah memastikan segala sisa makanan, sampah sarap dibungkus, diikat dan dibuang di tempat pembuangan sampah utama yang telah ditetapkan setiap hari dan tidak membiarkannya di dalam keadaan terdedah atau menjadi punca lain-lain masalah. Semua sisa makanan dan sampah hendaklah dibuang setiap hari sebaik sahaja selesai operasi pada hari tersebut. Pembekal harus memastikan tiada lelehan dari sisa sampah di atas lantai dan pastikan tiada pencemaran bau.
- iv) Pembekal hendaklah memastikan segala sisa-sisa makanan dan lain-lain jenis sampah tidak dibuang ke dalam sinki atau longkang atau lain-lain tempat seumpamanya yang boleh menyebabkan tersumbatnya saliran-saliran air atau longkang.
- v) Pembekal hendaklah sentiasa memastikan peralatan yang digunakan untuk sajian makanan berada dalam keadaan baik, tidak basah, berbau, berdaki dan sumbing atau retak dan sebagainya.
- vi) Pembekal hendaklah memastikan kain alas meja yang telah digunakan sentiasa dalam keadaan bersih.
- vii) Kebersihan lantai tempat makan adalah tanggungjawab pembekal. Pembekal hendaklah memastikan keadaan lantai sentiasa bersih dan kering, dicuci serta dimop setiap kali selepas beroperasi.
- viii) Pihak Pembekal perlu memastikan makanan yang disediakan adalah bersih dan tanpa bendasing.
- ix) Memastikan peramusaji memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada peserta kursus demi menjaga imej IKMa.

1.9. Pembekal dikehendaki mematuhi amalan EKSA bagi penyimpanan dan susunan barang-barang yang digunakan.

1.10. Kemudahan-kemudahan lain seperti alat-alat masakan, pinggan mangkuk, garpu, sudu, cawan dan lain-lain kelengkapan dan sebagainya adalah di bawah tanggungjawab pembekal untuk menyediakan dengan secukupnya bagi menguruskan kerja-kerja di bawah kontrak ini. Barang/alat tersebut hendaklah juga sentiasa dipastikan berada dalam keadaan baik, bersih dan boleh digunakan sepanjang masa.

1.11. Pembekal dikehendaki mengemukakan semua butir – butir kos seperti yang dikehendaki dalam dokumen sebut harga ini. Sekiranya terdapat butiran yang tertinggal dalam tawaran sebut harga ini, ia mungkin boleh menyebabkan tawaran sebut harganya tidak dipertimbangkan atau jika ia berjaya mendapat sebut harga ini, kontrak boleh ditamatkan. Harga tawaran sebut harga yang dikemukakan adalah muktamad. Sebarang pindaan tidak akan dilayan.

1.12. Makanan bermasak yang disediakan mestilah berbau segar (tidak basi), sentiasa panas dan tidak ada tanda pencemaran.

1.13. Buah-buahan yang dihidang hendaklah segar.

PERKHIDMATAN SEBAGAI PANEL MEMBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK (ISLAM) BAGI PESERTA KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON TIMUR UNTUK TAHUN 2027 BAGI TEMPOH 2 TAHUN

- 1.14. Makanan perlu disediakan secara *Buffet* untuk Sarapan, Minum Pagi, Makan Tengah Hari dan Minum Petang serta hendaklah dibantu oleh peramusaji untuk melayan peserta.
- 1.15. Pembekal perlu menyediakan alas meja sepanjang kursus berjalan di IKMa Zon Timur dan haruslah memastikan alas meja yang digunakan sentiasa bersih dan tiada kekotoran ketara.
- 1.16. Harga yang ditawarkan adalah termasuk SST(6%)
 - *Tertakluk kepada perubahan semasa*

2. TEMPOH KONTRAK

- 2.1 Tempoh kontrak adalah untuk **dua (2) tahun**. Walau bagaimanapun tempoh kontrak perkhidmatan ini adalah bergantung kepada mutu perkhidmatan dan kualiti makanan yang disediakan oleh Pembekal.
- 2.2 IKMa Zon Timur berhak menamatkan perjanjian kontrak sebelum berakhir tempoh kontrak kepada pihak Pembekal jika sekiranya pencapaian prestasi tidak memuaskan.
- 2.3 Setelah perjanjian tamat, pihak Pembekal perlu melalui proses sebut harga baru seperti yang ditetapkan.

3. ANGGARAN PENYEDIAAN MAKANAN

- a. Anggaran jumlah peserta: * 10-50 orang per kursus
- b. Anggaran kursus setahun: * 45 kursus
- c. Bilangan hari: * Purata 2-5 hari per kursus
- d. Makanan dan minuman diperlukan pada masa seperti berikut:
 - Sarapan Pagi (*jam 7.30 pagi – 8.30 pagi)
 - Minum Pagi (*jam 10.00 pagi-11.00 pagi)
 - Makan Tengahari (*jam 12.00 tengah hari-1.30 petang)
 - Minum Petang (*jam 4.00 petang-4.45 petang)
- e. Menyediakan makanan dan minuman secara buffet

**Tertakluk kepada perubahan semasa*

4. BAYARAN MELALUI INBOIS

- 4.1 Pembayaran akan dibuat berdasarkan jumlah peserta dan sajian makanan bagi sesuatu tarikh kursus. Pembekal perlu mengemukakan inbois terperinci kepada IKM Zon Timur untuk membuat bayaran selepas tamatnya kursus.

PERKHIDMATAN SEBAGAI PANEL MEMBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK (ISLAM) BAGI PESERTA KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON TIMUR UNTUK TAHUN 2027 BAGI TEMPOH 2 TAHUN

5. PEROLEHAN DAN PENYIMPANAN BAHAN MENTAH / KERING / MAKANAN TERPROSES

5.1 Pihak Kontraktor bertanggungjawab bagi memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- i) Memastikan bekalan bahan mentah/kering/makanan terproses adalah dari sumber-sumber yang diiktiraf dan diakui sah HALAL dan SUCI.
- ii) Penerimaan bahan mentah/kering/makanan terproses perlu dilakukan sepenuhnya oleh pegawai dari Pembekal. Pembekal juga bertanggungjawab bagi memastikan semua bekalan bahan mentah berkualiti dan selamat digunakan.

6. SKOP PERKHIDMATAN

6.1 Perkhidmatan adalah meliputi penyediaan makanan kepada:-

- i) peserta kursus atau
- ii) mesyuarat / program / kursus yang dianjurkan oleh agensi luar menggunakan perkhidmatan penyewaan kemudahan di IKMa Zon Timur.
*Sajian makanan hendaklah berdasarkan kepada bilangan peserta dan menu yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

7. PENYEDIAAN MAKANAN

7.1 IKMa Zon Timur berhak membuat pembatalan tempahan makanan dalam tempoh masa dua puluh empat (24) jam apabila sesuatu kursus itu dibatalkan atau ditunda.

7.2 Sekiranya bekalan makanan tidak mencukupi sewaktu sajian, Pembekal hendaklah dengan segera menyediakan makanan gantian yang sama dengan makanan yang dihidang.

7.3 Sekiranya bekalan makanan perlu ditambah, pihak IKMa Zon Timur berhak membuat pesanan dalam tempoh masa dua puluh empat (24) jam sebelum masa hidangan.

7.4 Pembekal hendaklah memastikan makanan yang dihidangkan bertutup dan alat penghidangan (penyepit, senduk, sudu, garpu, pisau, tisu dan lain-lain) yang sesuai disediakan serta mencukupi ketika makanan dihidangkan.

PERKHIDMATAN SEBAGAI PANEL MEMBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK (ISLAM) BAGI PESERTA KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON TIMUR UNTUK TAHUN 2027 BAGI TEMPOH 2 TAHUN

1. JADUAL WAKTU PENGHIDANGAN MAKANAN

1.1. Jadual waktu penghidangan makanan adalah seperti berikut:

Sarapan Pagi	Minum Pagi	Makan Tengah Hari	Minum Petang
7.30 pagi – 8.30 pagi	10.00 pagi-11.00 pagi	12.00 tengahari - 1.30 petang	4.00 petang- 4.45 petang

Nota :

- i) Sekiranya terdapat permintaan daripada pihak IKMa Zon Timur bagi menghidang lebih awal/lewat, pihak Pembekal hendaklah mematuhi permintaan tersebut

ALAT-ALAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBEKAL

BIL.	JENIS PERALATAN
1.	Alas Meja (kain) dan Sarung Kerusi (kain) yang bersesuaian
2.	Skirting untuk majlis rasmi
3.	Pinggan mangkuk dan set yang sesuai untuk majlis rasmi (VIP/VVIP)
4.	Pinggan mangkuk, gelas, mangkuk sup dan piring kuih
5.	Sudu makan, garpu, sudu teh
6.	Cawan dan piring
7.	Tisu
8.	Set container bekas makanan dengan kaki untuk majlis rasmi (VIP/VVIP) / DOM
9.	Bekas nasi

PERKHIDMATAN SEBAGAI PANEL MEMBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK (ISLAM) BAGI PESERTA KURSUS DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON TIMUR UNTUK TAHUN 2027 BAGI TEMPOH 2 TAHUN

JADUAL TAWARAN HARGA:

A. JUMLAH HARGA KESELURUHAN

SAJIAN	HARGA SATU SAJIAN BAGI SATU KEPALA (RM)
Sarapan Pagi	
Minum Pagi	
Makan Tengahari	
Minum Petang	
JUMLAH HARGA (RM)	